

**Saya Bersedia Bertanding Di Teluk Intan, Kata Presiden Gerakan
Bernama
May 9, 2014**

KUALA TERENGGANU, 9 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Gerakan Datuk Mah Siew Keong bersedia untuk bertanding dalam pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan sekiranya diberi mandat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, sebagai seorang anggota politik yang begitu komited, beliau bersedia dan akur dengan keputusan yang bakal diputuskan oleh pucuk pimpinan tertinggi Barisan Nasional.

"Saya bersedia untuk bertanding PRK Teluk Intan jika nama saya dicalonkan kelak.

"Saya juga bersedia dengan keputusan dan calon yang akan ditetapkan untuk bertanding di Teluk Intan. Keputusan yang diputuskan itu bukan untuk individu namun bagi kepentingan parti," katanya dalam sidang media di sini hari Jumaat.

Beliau berkata Gerakan juga mencadangkan beberapa nama sebagai calon PRK itu.

Mah berkata pihaknya akan bekerja keras untuk membantu calon yang bertanding pada PRK Bukit Gelugor dan Teluk Intan.

PRK itu diadakan berikutan kematian penyandanginya daripada DAP, Seah Leong Peng, akibat kanser, 1 Mei lepas dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 19 Mei sebagai hari penamaan calon manakala 31 Mei hari pengundian.

Sementara itu Pengerusi Gerakan Terengganu Datuk Yap Kea Ping berkata Gerakan Terengganu sebulat suara menyokong dan bersetuju calon yang ditetapkan pada PRK itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037026>